



Lawatan Kerja Timbalan Ketua Pengarah 1 JPS Malaysia

YBhg. Dato' Ir. Nordin Bin Hamdan
Oleh: Bahagian Korporat

Kota Bharu - Ybhg. Dato' Ir. Nordin b. Hamdan iaitu Timbalan Ketua Pengarah 1 (Sektor Bisnes) Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia telah membuat lawatan kerja selama satu hari pada 16 November 2014 ke JPS Negeri Kelantan. Pada Disember 2014 ini genaplah usia beliau 60 tahun dan akan bersara dari perkhidmatan awam. Beliau juga diiringi oleh Ybhg. Dato' Ir. Zainor Rahim b. Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah 11 (Sektor Pakar) JPS Malaysia dan En. Idris b. Yusoff, Pengarah Bahagian Korporat JPS Malaysia. Para tetamu disambut oleh En. Kamal b. Mustapha, Timbalan Pengarah, JPS Negeri Kelantan dengan memberi ucapan aluan. Timbalan Pengarah mengucapkan selamat datang dan ribuan terima kasih kepada Ybhg. Dato' kerana sudi membuat lawatan kerja di JPS Kelantan serta mengucapkan selamat maju

jaya kepada beliau. En. Kamal dalam ucapan beliau melahirkan rasa kagum dan bangga dengan jasa dan pengorbanan beliau sepanjang berkhidmat dalam Jabatan Pengairan dan Saliran. Dalam program lawatan selama sehari ini beliau telah sempat bertanya khabar dengan Pegawai-pegawai Kanan, Ketua Bahagian dan Jurutera-jurutera Jajahan dan seterusnya beramah mesra dengan warga JPS Negeri Kelantan sebagai kenang-kenangan yang terakhir sebelum persaraan beliau. Di kesempatan ini juga pihak pengurusan JPS Kelantan telah mengatur sesi penghargaan iaitu penyampaian cenderahati kepada kakitangan dan pegawai yang bersara dan telah bertukar. Dan bagi menghargai jasa Ybhg. Dato' Nordin b. Hamdan, pihak JPS Kelantan telah menyampaikan cenderahati kenangan melalui ketua-ketua bahagian dan jurutera jajahan JPS Negeri Kelantan. Pihak pengurusan juga mengambil kesempatan ini dengan bersama-sama menyambut hari lahir yang ke-60 tahun pada disember 2014 ini.



Majlis Ramah Mesra Raya

sempena persaraan Dato' Pengarah

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan



Wisma JPS Kelantan - 14 Ogos 2014 bersamaan 18 syawal 1435H JPS Kelantan telah mengadakan Sambutan Hari Raya Perdana bersama semua warga JPS Kelantan. Sambutan hari raya ini juga diadakan bersempena persaraan dan mengenang jasa-jasa YBhg. Dato' Hj. Mat Rahim b. Ismail, Pengarah JPS Kelantan. YBhg. Dato' akan bersara dari perkhidmatan awam pada 16 ogos 2014 nanti. Majlis bermula pada pukul 10.00 pagi dengan ketibaan YBhg. Dato' Pengarah dan Isteri dan disambut oleh semua warga JPS Kelantan. Beliau mengucapkan selamat hari raya dan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan dan menjayakan majlis ini. Beliau memohon ampun dan maaf kepada semua kakitangan di sepanjang beliau berkhidmat samaada secara sengaja atau tidak sengaja. Beliau berharap semua dapat terus memberi perkhidmatan yang terbaik untuk JPS Kelantan dan berharap hubungan warga JPS

dengan penyampaian cenderahati kepada Ybhg. Dato' Pengarah dari semua Ketua Bahagian dan Jurutera-jurutera Jajahan sebagai kenangan. Acara seterusnya majlis menjemput semua warga JPS menjamu selera dengan hidangan hari raya yang telah disediakan. Setiap hidangan mewakili setiap bahagian dan jajahan yang dilakukan secara kerjasama. Riuh rendah dan gelak tawa semua warga mengamatkan lagi suasana sambutan hari raya. Di samping itu Ybhg. Dato' Pengarah sempat beramah mesra bersama kakitangan. Di sebelah tengahari pula, pihak pengurusan telah mengaturkan satu majlis perpisahan terakhir bertempat perkarian wisma JPS Kelantan. Ybhg. Dato' Pengarah dan diiringi oleh Engku Rajhan b. Engku Ismail, Penolong Pengarah membuat 'finger tec' sebagai simbolik beliau bersara dalam perkhidmatan awam. Beliau juga diiringi oleh ketua-ketua bahagian dan jurutera jajahan untuk ber-salam dan mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau seterusnya mengiringi beliau ke kereta untuk berangkat pulang ke kediaman beliau. Sekali lagi kita kehilangan seorang pemimpin yang berwibawa seperti Ybhg. Dato' Mat Rahim b. Ismail, Pengarah JPS Kelantan



Lawatan Kerja Pengarah Baru Ke JPS Pasir Mas

& Mesy. Pemantauan Projek Pembangunan

Oleh: Bahagian Korporat



Pada 10 November 2014, Ir. Haji Shahimi b. Sharif, Pengarah JPS Kelantan yang baru menjawat jawatan pengarah pada 2 November 2014 yang mengantikan Dato' Mat Rahim b. Ismail yang telah bersara pada 16 Ogos 2014 yang lalu. Beliau telah mengadakan Lawatan Kerja ke JPS Pasir Mas. Lawatan ini turut diiringi oleh En. Kamal b. Mustapha, Timbalan Pengarah JPS Kelantan, Engku Rajhan b. Engku Ismail, Pen. Pengarah Kanan Bah. Khidmat Pengurusan serta semua ketua-ketua bahagian dan jurutera jajahan. Ini merupakan lawatan pertama Pengarah JPS Kelantan bertujuan



untuk meramah mesra dengan kakitangan jajahan dan mengadakan lawatan di projek-projek JPS Pasir Mas. Lawatan ini tidak sampai di sini saja, kerana ia akan



diteruskan ke jajahan seterusnya di lain masa. Para tetamu disambut oleh Pn Nor Anisah bt. Wok, Jurutera Jajahan Pasir Mas. Pn. Nor Hanisah menyatakan gembira dan mengalu-alukan kedatangan Tuan Pengarah serta rombongan ke JPS Pasir Mas. Di samping lawatan ini Bahagian Korporat mengadakan Mesyuarat Pemantauan Projek Pembangunan JPS Kelantan. Seterusnya acara diteruskan dengan Tuan Pengarah sempat beramah mesra dengan semua kakitangan JPS Pasir Mas. Di sebelah petang, beliau serta rombongan sempat melawat stesen kabel di Rantau Panjang dan lawatan ke kawasan-kawasan yang biasa dilanda banjir bila datang musim tekujuh.





KURSUS PENILAIAN TENDER & Pengurusan Projek

Oleh: Bahagian Korporat

Pada 28 hingga 29 Ogos 2014, Bahagian Korporat JPS Kelantan telah mengadakan kursus Penilaian Tender dan Pentadbiran Projek di Dewan Kuliah (MACA) wilayah timur, SPRM. Kursus ini telah dirasmikan oleh Engku Rajhan b. Engku Ismail, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Khidmat Pengurusan JPS Kelantan. Dihadiri seramai 40 orang peserta terdiri dari Ketua-ketua Bahagian, Jurutera Jajahan dan kakitangan yang terlibat dengan tender dan pengurusan projek. Bahagian Korporat sebagai urusetia kursus telah membuat persiapan rapi dalam menjayakan kursus yang diadakan ini. Kursus ini disampaikan oleh En. Samian b. Johari yang dijemput dari JKR Malaysia. Kursus ini bertujuan memberi kefahaman secara terperinci mengenai penilaian tender dan pengurusan projek.



Timbalan Pengarah, JPS Kelantan,
En. Kamal b. Mustapha menyampaikan
cenderahati kepada penceramah





Kota Bharu -22 September 2014, ‘**Sungaiku Hidupku**’ adalah salah satu Kempen Kesedaran yang telah dijajakan oleh Bahagian Lembangan Sungai dan Zon Pantai (BLSZP) JPS Kelantan. Kempen ini sebenarnya inisiatif Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Antara objektifnya adalah untuk memastikan sungai bersih, hidup dan bernilai dengan mencapai kualiti air kelas II menjelang 2015, untuk menjadikan sungai dan persekitarannya sebagai kawasan rekreasi yang semulajadi serta untuk memastikan sungai bebas dari banjir dan sampah sarap. JPS Kelantan melalui BLSZP telah memilih Alor A, Tanjung Chat, Pengkalan Chepa sebagai projek perintis untuk menjayakan program ini. Alor A merupakan salah satu laluan aliran air yang disalirkkan dari bandar Kota Bharu.

Perasmian kempen ini telah disempurnakan oleh YB. Dato’ Hj. Abdul Fattah b. Hj. Mahmood, Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar.

KEMPEN KESEDARAN ‘Sungaiku Hidupku’

Oleh: Bahagian Lembangan Sungai Dan Zon Pantai

Kempen ini juga dihadiri 300 orang peserta yang terdiri dari warga JPS, pelajar-pelajar sekolah terdekat dan masyarakat setempat ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan yang lebih dekat kepada semua, betapa pentingnya air dan sungai dalam kehidupan kita seharian. Bagi memeriahkan lagi kempen ini aktiviti bersama pelajar dan penduduk setempat iaitu pertandingan memancing dan pentandingan mewarna bagi kanak-kanak. Kempen ini bukan sahaja usaha JPS untuk merealisasikan maklamat ini tercapai, kerana ia perlu sokongan dan penglibatan semua pihak termasuk masyarakat secara amnya.

Sungai sebagai salah satu aset negara yang bernilai (bukan satu bebanan ‘liability’) dan perlu dipelihara. Sekiranya sungai diurus dengan baik, ianya akan memberi pulangan dan menjana ekonomi negara. Oleh itu program pemulihan dan pengurusan sungai perlu dijalankan secara berterusan bagi memastikan kesempurnaan ke atas regim sungai dan persekitarannya. Pengurusan sungai secara bersepadu yang melibatkan semua lapisan masyarakat dan ‘stakeholders’



adalah satu fokus utama kearah pencapaian matlamat tersebut. Hubung-kait antara kuantiti, kualiti dan persekitaran terutamanya alam sekitar perlu dititikberatkan dan diseimbangkan di dalam proses pengurusan dan pembangunan sesuatu lembangan sungai. Kempen ini juga diberi taklimat ‘mud ball’ dari wakil syarikat JAMOF, ‘mud ball’ digunakan sebagai agen penguraian sisa kotoran di dasar sungai seterusnya membersihkan kualiti air sungai. Kemuncak acara Timbalan Pengarah JPS Kelantan menjemput YB untuk membaling ‘mud ball’ sebagai gimik perasmian.





Sukan Dwi Tahunan JPS Malaysia

Kali Ke - 13

Oleh: MAKSAK JPS Kelantan



Pada 22 hingga 24 Ogos 2014, MAKSAK JPS Malaysia telah menganjurkan Kejohannan Pesta Sukan Dwi Tahunan JPS Malaysia kali ke 13 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kejohanan ini telah dirasmikan oleh YB. Datuk Seri G. Palanivel, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Pelbagai acara dipertandingkan antaranya adalah Bola Jaring, Bola Tampar, Sepak Takraw, Bowling, Futsal, Badminton, Ping Pong, Tenis, Golf, Dart, Kerom, Merentas Desa, Snooker, Kayak, dan Tarik Tali dan banyak lagi acara yang dipertandingkan.

Pada Pesta Sukan Dwi Tahunan pada kali ini JPS Kelantan yang diketuai oleh En. Ayasing bin Long bertindak sebagai ketua kontjen, telah menyertai 18 acara daripada 27 acara yang dipertandingkan. Dengan semangat kesukanan dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh setiap peserta JPS Kelantan telah mendapat Naib Johan keseluruhan dan JPS Johor merangkul Johan keseluruhan pada kejohanan pada kali ini.

JPS Kelantan telah menunjukkan kecermelangan yang lebih baik berbanding kejohanan yang lepas. Syukur dan tahniah untuk semua kontjen JPS Kelantan.






Kuantan- 19 Oktober 2014, 'Baldu Biru' itulah nama yang cukup sinonim dengan Kumpulan Koir, JPS Kelantan. Satu-satunya kumpulan koir yang ditubuhkan hampir 4 tahun yang lalu dan telah menyertai setiap tahun Pertandingan Koir MAKSAK JPS Malaysia.

Baru-baru ini 'Baldu Biru' sekali lagi telah menyertai Pertandingan Koir MAKSAK JPS Malaysia 2014 yang telah diadakan di RTM Negeri Pahang, Kuantan pada 19 Oktober 2014 yang mana JPS Pahang sebagai tuan rumah. Pertandingan yang telah disertai oleh 13 kumpulan, wakil dari dari setiap JPS Negeri.

Telah dirasmikan oleh Ybhg. Dato' Ir. Nordin b. Hamdan, Timbalan Ketua Pengarah 1 (Sektor Bisnes) Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia.



Oleh: Bahagian Korporat

Pertandingan Koir 2014



'Baldu Biru' yang di anggotai oleh 21 orang ahli yang dipimpin oleh Cikgu Mohd Razi dan diuruskan oleh YM. Tengku Zamri b. Raja Zainal Abidin, Jurutera Jajahan Kota Bharu. Belum pernah mengecapi sebarang kejayaan sehingga kini, namun begitu kumpulan ini tetap menghiburkan dan memukau hati penonton setiap kali membuat persembahan di pentas. Namun semangat tidak mengenal erti putus asa, 'Baldu Biru' akan terus berusaha hingga mengecapi kejayaan suatu hari nanti.



Keputusan Pertandingan Koir MAKSAK JPS Malaysia 2014

- | | |
|------------|---------------------------|
| JOHAN | : JPS Negeri Perlis |
| NAIB JOHAN | : JPS Wilayah Persekutuan |
| KETIGA | : JPS Negeri Selangor |



Majlis Asyura perdana

J P S K E L A N T A N

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

Pada 20 November 2014 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan telah mengadakan Majlis Assyura Perdana. Majlis ini melibatkan semua bahagian dan jajahan.

Sebanyak 20 kawah bubur assyura disediakan mewakili

setiap bahagian dan jajahan. Majlis bermula pada pukul 8.00 pagi lagi memandangkan bubur assyura memakan masa yang lama dan perlu selalu dikacau sepanjang proses memasaknya. Secara tak langsung ia memupuk semangat dan kerjasama yang erat antara setiap kakitangan. Dalam banyak-banyak kumpulan yang mengambil bahagian, ada satu kumpulan yang menarik perhatian semua iaitu dari Jajahan Pasir Mas. Mereka menggunakan mesin pengacau yang direka dan dibuat sendiri. Pihak JPS juga mendermakan sebahagian dari bubur ini kepada rumah-rumah anak yatim yakni diuruskan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).



Lawatan kawasan banjir

Oleh: Bahagian Korporat



Pada 23 November 2014, Ir. Hj. Shahimi b. Sharif, Pengarah JPS Kelantan dan En. Kamal b. Mustapha, Timbalan Pengarah telah mengadakan lawatan ke kawasan-kawasan banjir di 3 jajahan iaitu Kota Bharu, Pasir Mas dan Tumpat. Lawatan ini juga dihadiri oleh Jurutera Jajahan yang terlibat dan En. Zamri, Pegawai Hidrologi Negeri.



Lawatan tersebut bagi mengenal pasti kawasan-kawasan banjir dan punca berlakunya banjir disamping melawat dan bertanya khabar mangsa-mangsa banjir di tempat perpindahan.



PENASIHAT
Ir. Hj. Shahimi bin Sharif

PENAUNG
En. Kamal bin Mustapha

KETUA EDITOR
En. Mohd Fazli bin Mohd Noor

EDITOR
En. Fauzi bin Yakob
En. Nik Mohd Faizal bin Nik Zulkifli

JURUFOTO
En. Nik Mohd Faizal bin Nik Zulkifli

DITERBITKAN OLEH
Bahagian Korporat,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Negeri Kelantan

DIREKA GRAFIK OLEH

En. Nik Mohd Faizal bin Nik Zulkifli
Sebarang maklumat dan berita serta gambar-gambar untuk keluaran akan datang boleh dihantar kepada kami melalui:

Email: mfazli@water.gov.my
No.Tel: 09-7419640

Email: nmfaizal@kelantan.gov.my
No.Tel: 09-7419641

SIDANG
Redaksi



JALINAN
JPS ENCHUBUNG
ILATURRAHIM

08